

# Lagi 200 bakal terima geran

**TANJONG KARANG** - Kerajaan negeri serta Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Kuala Selangor dijangka dapat menyelesaikan proses pembermilikan tanah kepada lebih 200 penduduk Kampung Felda Bukit Cherakah serta Kampung Java Estet dalam masa terdekat.

Pegawai Daerah Kuala Selangor, Mohamad Yasid Bidin berkata, PTD kini dalam proses terakhir sebelum geran tanah itu diberikan kepada penduduk terbabit.

Menurutnya, majlis penyerahan mungkin diadakan minggu hadapan dan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sendiri akan menyerahkan geran tanah itu kepada penduduk.

"Bagi Kampung Lindur pula, saya dimaklumkan peneroka asal yang tidak tersenarai sebagai penerima geran, akan mengadakan perjumpaan secara tertutup di PTD untuk perbincangan lanjut bersama peneroka yang berjaya. PTD akan menjadi orang tengah untuk memantau perbincang-



**MOHAMAD YASID**

an tersebut.

"Bagaimanapun, PTD ada mencadangkan peneroka terbabit memohon baki empat hektar di kawasan sama. Namun, ini semua terpulang kepada keputusan peneroka sama ada mahu memohon tanah itu atau tidak. Soal kelulusan pembermilikan pula tertakluk kepada pertimbangan kerajaan negeri," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyampaian Hak Milik Tanah di Dewan Masyarakat Kampung Seri Tiram Jaya, di sini, semalam.

Sementara itu, Mohamad Yasid berkata, isu pemilikan

tanah di Kampung Seri Tiram Jaya berlarutan hampir 40 tahun sejak kawasan tersebut diteroka pada 1970 dan ketika itu, kerajaan negeri meluluskan pemberian geran tanah pada 2002.

Bagaimanapun katanya, sebaik sahaja penduduk selesai membayar premium tanah pada 2007, geran tanah masih tidak dapat dikeluarkan berikutan masalah teknikal kerana tidak menyertakan bersama ulasan Pejabat Tanah dan Galian (PTG).

"Proses pemilikan tanah itu diteruskan setelah PTD mengemukakan punca masalah tersebut kepada kerajaan negeri. Sebelum itu, notis makluman senarai nama pemohon didedahkan bagi mengelakkan pertindihan nama dan bantahan.

"Apabila tiada bantahan dan semua nama pemohon adalah pewaris serta pemilik tanah terbabit, urusan pembermilikan tanah berjalan lancar dan hari ini (semalam), kita dapat menyaksikan seramai 138 penduduk menerima geran masing-masing," katanya.